

**KESALAHAN JENAYAH SYARIAH BERKAITAN LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN
TRANSGENDER (LGBT) DALAM TALIAN: ANALISIS AKTA KESALAHAN JENAYAH
SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997**

ISLAMIC CRIMINAL OFFENCES RELATED TO LGBT IN ONLINE PLATFORM: AN
ANALYSIS OF ISLAMIC CRIMINAL OFFENCES ACT (FEDERAL TERRITORIES) 1997

ⁱNur Al-Farhain Kamaruzaman, ⁱⁱNur Aina Abdulah, ⁱⁱⁱMashitah Abdul Mutalib, ^{iv}Siti Syahirah Saffinee

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

*(Corresponding Author): farhain@usim.edu.my

ABSTRAK

Mutakhir ini menyaksikan sebahagian golongan LGBT yang tidak segan silu mempamerkan budaya songsang di platform-platform dalam talian seperti di Instagram, facebook, twitter dan sebagainya. Selain itu, promosi terhadap budaya songsang ini dilakukan secara terang-terangan di media sosial. Justeru, objektif kertas kerja ini adalah bagi mengkaji dan menganalisis peruntukan di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 berkaitan kesalahan LGBT dalam talian seterusnya mencadangkan penambahbaikan kepada peruntukan sedia ada di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 bagi mendakwa kesalahan LGBT dalam talian. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis dokumen bagi mengumpulkan data. Dapatan kajian mendapati terdapat peruntukan sedia ada yang boleh digunakan bagi mendakwa kesalahan LGBT yang dilakukan secara dalam talian. Walaubagaimanapun, peruntukan sedia ada ini mempunyai isu dari sudut substantif, keterangan dan tatacara yang memerlukan penambahbaikan.

Kata Kunci: *digital forensik, kesalahan jenayah syariah, lgbt*

ABSTRACT

Over the recent years, LGBT communities in Malaysia are not ashamed to display perverted culture publicly on online platforms such as Instagram, Facebook, Twitter and so on. Therefore, the objective of this paper is to study and analyze the provisions in the Shariah Criminal Offences Act (Federal Territories) 1997 related to LGBT offenses online and then propose improvements to the existing provisions to prosecute LGBT crimes online. This qualitative study uses a document analysis approach to collect data. The findings of the study found that there are existing provisions that can be used to prosecute LGBT offenses committed online. However, this existing provision has substantive, evidential and procedural issues that require improvements.

Keyword (s): *criminal offenses sharia, digital forensics, lgbt*

PENDAHULUAN

Kemajuan dan pembangunan teknologi telah membawa pelbagai manfaat dalam segenap aspek kehidupan manusia. Walaubagaimanapun, seiring dengan kemajuan ini telah berlaku peningkatan yangketara dari sudut jenayah siber termasuklah kesalahan jenayah syariah berkaitan Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT) dalam talian. Mutakhir ini, golongan ini tidak lagi segan silu mempamerkan budaya hidup songsang secara terang-terangan di platform dalam talian.

Dalam konteks di Malaysia, Golongan LGBT bukanlah merupakan komuniti baharu di Malaysia. Kewujudan mereka mula disedaripada awal tahun 1980-an dengan menggunakan gelaran pondan dan mak nyah. Pada peringkat ini komuniti ini merupakan komuniti yang bersifat terpencil. Walaubagaimanapun, bermula tahun 1990-an, komuniti ini mula menggunakan istilah LGBT merujuk kepada kumpulan mereka (Mahfudzah 2015). Ketika ini, komuniti ini telah mula bergerak secara tersusun dan terancang bagi menuntut hak-hak mereka termasuklah menzahirkan ketidakpuashatian terhadap peruntukan undang-undang syariah berkaitan LGBT (Azman et al., 2020). Ini boleh dilihat menerusi tuntutan yang dilakukan oleh golongan ini di dalam Tuntutan Comango. Antara tuntutan yang dilakukan adalah menuntut supaya Malaysia mengiktiraf orientasi seksual LGBT sebagai hak-hak asasi manusia sejagat, mengesyorkan agar pindaan dilakukan pada seksyen 377A Kanun Keseksaan berhubung jenayah liwat, mengesyorkan agar enakmen kesalahan jenayah syariah dimansuhkan dan pindaan terhadap kesalahan-kesalahan jenayah syariah dan enakmen-enakmen yang didakwa sebagai mengganggu hak peribadi (Mohd Izzat et al., 2018).

Di dalam menangani isu jenayah LGBT di Malaysia, terdapat pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh pihak berkuasa agama negeri, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Antara inisiatif yang dijalankan adalah pembinaan modul seperti Modul dan Manual Kaunseling Syarie dan Manual HIV AIDS dan pelbagai program pemulihan juga dijalankan melalui aktiviti usrah, mukhayyam dan kelas-kelas agama (Mohamad Afandi & Mohd Sabree, 2019). Selain itu,

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mewujudkan Bahagian Pemulihan Al-Riqab bagi memulih dan merawat golongan LGBT. Dengan penubuhan bahagian ini, golongan LGBT mendapat manfaat wang zakat melalui program pemulihan, bantuan kewangan dan modal perniagaan dan perubatan bagimembolehkan mereka menjalani kehidupan (Siti Solehah et al., 2020). Walaupun pelbagai inisiatif seperti dakwah, pendidikan dan rawatan pemulihan telah dilakukan, pendekatan ini tidak mencukupi bagi menangani isu sosial berkaitan LGBT. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang juga perlu diperkasakan dalam menangani isu ini.

Jika diteliti, enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, kesalahan jenayah syariah LGBT yang dilakukan di dalam talian tidak mempunyai peruntukan khusus. Walaubagaimanapun ini tidak bermakna kesalahan ini tidak boleh didakwa. Menurut Atras (2022), masih terdapat peruntukan sedia ada yang boleh digunakan bagi mendakwa kesalahan ini. Walaubagaimanapun, peruntukan sedia ada ini mempunyai kelompangan dan memerlukan kepada penambahbaikan (Muhammad Hariz & Ahmad Hidayat, 2021; Mohammad Izzat Amsyar et al, 2018). Berdasarkan permasalahan yang disebutkan seperti di atas, objektif artikel ini adalah mengkaji dan menganalisis peruntukan di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 berkaitan kesalahan LGBT dalam talian seterusnya mencadangkan penambahbaikan kepada peruntukan sedia ada di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 bagi mendakwa kesalahan LGBT dalam talian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan (content analysis). Data dari kajian dikumpulkan melalui buku, artikel-artikel jurnal dan prosiding seminar yang membincangkan topik berkaitan pemerkasaan undang-undang syariah berkaitan LGBT. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara tematik berpandukan kepada objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis kajian, sememangnya terdapat peruntukan berkaitan LGBT dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Walaubagaimanapun ia memerlukan penambahbaikan bagi membolehkan pendakwaan bagi kesalahan jenayah syariah berkaitan LGBT

dalam talian boleh dilakukan. Bagi menjelaskan hasil dapatan ini, perbincangan ini akan dibahagikan kepada beberapa subtopik berikut:

i. Peruntukan Sedia Ada Berkaitan Kesalahan LGBT Dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

Di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 terdapat peruntukan berbentuk khusus dan umum berkaitan dengan kesalahan LGBT. Antara peruntukan berbentuk khusus berkaitan LGBT terletak dibawah kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan. Perinciannya adalah seperti berikut:

a. Seksyen 25: Liwat.

Seksyen ini memperuntukkan hukuman iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu bagi mereka yang disabitkan kesalahan ini.

b. Seksyen 26: Musahaqah

Seksyen ini memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

c. Seksyen 27: Orang lelaki berlagak seperti perempuan.

Seksyen ini memperuntukkan mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Selain daripada peruntukan-peruntukan berbentuk khusus, terdapat juga peruntukan yang berbentuk lebih umum dan boleh digunakan bagi mendakwa kesalahan berkaitan LGBT. Peruntukan ini samada diletakkan dibawah kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam atau di bawah kesalahan berhubung dengan kesusilaan. Perincian peruntukan ini adalah seperti berikut:

a. Seksyen 7: Menghina, atau menyebabkan dipandang hina, dll. agama Islam

Seksyen ini memperuntukkan mana-mana orang yang secara lisan atau secara bertulis atau dengan gambaran yang tampak atau dengan apa-apa cara lain boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

b. Seksyen 12. Pendapat yang bertentangan dengan fatwa.

Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

c. Seksyen 29. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan

apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya

ii. Isu-isu di dalam Peruntukan sedia ada

Jika diteliti peruntukan-peruntukan yang disenaraikan di atas, terdapat beberapa isu dan masalah yang timbul apabila ia ingin digunakan bagi mendakwa kesalahan-kesalahan berkaitan LGBT yang dilakukan di platform-platform dalam talian seperti di twitter, instagram, facebook dan lain-lain. Antara isu yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

a. Kekaburan peruntukan sedia

Antara contoh kelompangan dalam peruntukan sedia ada adalah berkaitan definisi tempat awam. Antara prinsip asas kepada penguatkuasaan jenayah syariah adalah jenayah tersebut berlaku secara terang-terangan dan berlaku di tempat awam (Siti Zubaidah, 2017). Menurut undang-undang, tiada tafsiran yang jelas mengenai tempat awam yang dapat difahami daripada peruntukan kesalahan berkaitan. Kekaburan definisi dari sudut undang-undang ini menyebabkan timbul persoalan, adakah kesalahan jenayah syariah yang dilakukan secara dalam talian memenuhi aspek ini dan seterusnya mempengaruhi proses penguatkuasaan yang boleh dilakukan oleh pegawai penguatkuasa (Zanariah Dimon, 2021)

Selain daripada itu adalah kekaburan berkaitan penentuan bidang kuasa jika kesalahan jenayah tersebut berlaku secara dalam talian. Sebagai contoh, di dalam Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997), Seksyen 68 memperuntukkan, "Apabila seseorang dituduh melakukan apa apa kesalahan oleh sebab apa apa jua yang telah dilakukan atau oleh sebab apa apa akibat yang berikutan, kesalahan itu boleh dibicarakan oleh Mahkamah yang di dalam had bidang kuasa tempatannya mana manaperkara itu telah dilakukan atau mana mana akibat itu telah berikutan". Berdasarkan peruntukan ini, bagi meneruskan siasatan kepada mereka yang melakukan kesalahan ini di dalam talian, ia memerlukan kepada penyiasatan lokasi kejadian berlaku bagi menentukan bidang kuasa negeri yang manakah akan meneruskan siasatan dan pendakwaan (Nurul Atira & Hendun 2020)

b. Hukuman yang terhad

Selain daripada kekaburan peruntukan sedia ada, hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan jenayah syariah juga adalah terhad mengikut Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau lebih dikenali sebagai Akta 355. Akta ini memperuntukkan bidang kuasa maksima yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah syariah adalah denda tidak melebihi RM5000, atau sebatan tidak melebihi 6 kali, atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau gabungan ketiga-tiganya. Walaupun usaha pindaan telah dilakukan sejak tahun 2016, sehingga kini ia masih belum dapat dipinda di Parlimen atas pelbagai faktor dan sebab (Mohd Sabree 2018). Peruntukan undang-undang syariah sedia ada yang ringan dan anggaran menjadikan proses penguatkuasaan seolah-olah diambil ringan tanpa usaha yang serius.

c. Kaedah pembuktian

Antara isu lain adalah berkaitan dengan isu pembuktian jika kesalahan tersebut dilakukan secara dalam talian. Antara risiko yang dihadapi dalam pembuktian kes-kes sebegini penggunaan akaun palsu, hantaran dipadam selepas dilaporkan kepada pihak berkuasa dan sebagainya. Oleh itu, pengumpulan bukti bagi kes-kes berkaitan LGBT yang dilakukan secara dalam talian memerlukan kepakaran dalam bidang digital forensik. Disebabkan

pihak penguatkuasa agama negeri kurang mempunyai kepakaran di dalam bidang ini, kes-kes sebegini memerlukan kepada khidmat pakar digital forensik dan menelan kos yang tinggi (Mohd Sabree & Ruzman, 2020).

iii. Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan isu-isu yang dibincangkan di atas, seiring dengan perkembangan teknologi dan maklumat, langkah proaktif perlu diambil bagi memastikan perundangan jenayah syariah berkaitan LGBT adalah relevan untuk dikuatkuasakan. Justeru, antara cadangan penambahbaikan bagi mengatasi isu-isu yang dibincangkan sebelum ini adalah seperti berikut:

- a. Penambahan seksyen khusus bagi kesalahan yang dilakukan secara dalam talian
- b. Pindaan Akta Mahkamah Syariah 1965 atau dikenali sebagai Akta 355
- c. Penubuhan unit teknologi dan pelantikan pegawai yang berkepakaran

Kesimpulan

Secara umumnya, asas kepada pendakwaan bagi kesalahan jenayah syariah berkaitan LGBT sudah ada di dalam peruntukan sedia ada iaitu di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Walaubagaimanapun, seiring dengan arus pembangunan teknologi dan era ledakan maklumat, peruntukan sedia ada ini perlu ditambah baik daripada aspek substantif, tatacara dan keterangan. Penambahbaikan ini perlu dilakukan bagi memastikan kerelevanan perundangan jenayah syariah berkaitan kesalahan LGBT dapat dikuatkuasakan. Antara penambahbaikan yang dicadangkan adalah penambahbaikan dari sudut seksyen-seksyen tertentu, peningkatan bidang kuasa mahkamah syariah melalui pindaan Akta Mahkamah Syariah 1965 serta penubuhan unit teknologi dan pelantikan pegawai yang berkepakaran. Semoga dengan penambahbaikan yang dilakukan dari masa ke semasa, isu dan kes-kes berkaitan kesalahan jenayah syariah LGBT dapat dibendung dan menimbulkan kegerunan samada kepada pesalah khususnya mahupun masyarakat awam khususnya.

RUJUKAN

- Mahfudzah Mohamad (2015). Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah. *Jurnal* (2015) 19 JUUM 29 – 36.
- Azman Ab. Rahman, Mohamad Anwar, Mursyid Junaidi & Nur Fatimah. (2020). Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Menurut Perspektif Undang-Undang Syariah Dan Undang-Undang Sivil Di Malaysia: Suatu Perbandingan. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*. 8 (1)
- Mohammad Izzat Amsyar, Muhammad Syahlan, Hisham Hanapi, Fareed Hassan. (2018). Salah Laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia Undang-Undang Sebagai Mekanisme Pembantaran dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 13(1), 19-34.
- Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Sabree Nasri. (2019). Gejala LGBT di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 51-65.
- Siti Solehah, Noor Hafizah, Suriani Sudi, Khairul Hamimah. (2020). Program Dakwah Bahagian Pemulihan Al-Riqab, Mais Terhadap Komuniti LGBT: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pengajian Islam*, 14 (Special Edition), 136-148.

- Atras Mohamad Zin. (2022). Kesalahan Dalam Talian Yang Terkait Dengan EJSS95, Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah Kebangsaan: Jenayah Siber. Anjuran Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor, 30 Mei 2022.
- Mohammad Izzat Amsyar, Muhammad Syahlan, Hisham Hanapi, Fareed Hassan. (2018). Salah Laku Lgbt Dalam Perundangan Malaysia Undang-Undang Sebagai Mekanisme Pembantaranan dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 13(1), 19-34.
- Muhammad Hariz Shah & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Penambahbaikan Undang-undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Transgender di Malaysia: Cabaran dan Cadangan. *Jurnal Sains Insani* 2021, 6(3), 8-20.
- Siti Zubaidah Ismail. (2017). Undang - Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. UM Press.
- Zanariah Dimon. (2021). Elemen Tempat Awam Dan Hubungannya Dengan Penguatkuasaan Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah di Selangor. *International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSIAL 2021)*, Online Conference, 6th April 2021.
- Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah. (2020). Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam Di Media Sosial Dari Perspektif Undang-Undang Dan Syariah Di Malaysia. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*. 9(1).
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2020). Keterangan Pendapat Pakar Sebagai Kaedah Pembuktian Dalam Kesalahan Jenayah Syariah di Alam Siber. *Journal of Law & Governance*, 1 (1), 77-90.
- Mohd Sabree Nasri. (2018). Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 1 (1), 77-90